

SOALAN NO.: 184

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]

SOALAN :

Puan Rubiah Binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan sejauh manakah Kerajaan komited dalam membangunkan industri sawit yang merupakan antara sektor utama di bawah NKEA serta disasarkan untuk menyumbang kepada transformasi ekonomi ke negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, industri sawit merupakan salah satu penyumbang utama dalam menjana pendapatan eksport negara, dimana pada tahun 2014 nilai eksport produk-produk sawit adalah RM66.12 billion atau 56.71% daripada keseluruhan eksport komoditi negara. Tanaman sawit buat masa ini seluas 5.46 juta hektar dan menyumbang hampir 70% daripada guna tanah pertanian negara. Selain itu, industri ini juga menjadi sumber pendapatan kepada lebih 300,000 pekebun kecil dan menyediakan lebih sejuta peluang pekerjaan dalam industri yang berkaitan.

Berpandukan kepada kepentingan dan sumbangan industri ini kepada ekonomi negara, Kerajaan amat komited untuk terus membangunkan dan memajukan industri ini. Industri sawit juga merupakan salah satu Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi Negara (*National Key Economic Area – NKEA*) bagi mentransformasikan ekonomi negara kepada negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Industri sawit dijangka menyumbang kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK) sebanyak RM178 bilion menjelang 2020.

Untuk tujuan ini, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM1.72 bilion di bawah NKEA bagi tempoh 2011 hingga 2015 untuk membiayai pelbagai program bagi meningkatkan daya saing industri ini. Program-program ini adalah:

- i. Penyediaan geran kepada para pekebun kecil di bawah Program Skim Tanam Semula Sawit dan Tanam Baru Sawit. Ini bertujuan membantu para pekebun kecil menanam semula pokok-pokok sawit yang tua dan tanaman baru sawit;
- ii. Menyediakan geran bagi menggalakkan industri menghasilkan produk-produk baru dan nilai tambah. Ini termasuk penghasilan produk nutraceutical dan farmaseutikal; dan
- iii. Meningkatkan bilangan pegawai TUNAS untuk memberi khidmat nasihat kepada para pekebun kecil sawit.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) akan meneruskan usaha-usaha meningkatkan daya saing industri sawit di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) termasuk program-program khusus bagi meningkatkan pendapatan pekebun kecil sawit.

Sekian, terima kasih.